

Tarikh Dibaca: 12 APRIL 2019M / 06 SYAABAN 1440H



JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

“HIKMAH DI SEBALIK INFAK”

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



“HIKMAH DI SEBALIK INFAK”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : وَمَا يَفْعَلُوا مِنْ خَيْرٍ فَلَنْ يُكْفَرُوهُ وَاللَّهُ

عَلِيمٌ بِالْمُتَّقِينَ ¹ ﴿١١٥﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا
الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ
فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا
اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kehadiran Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Semoga kita mendapat keredhaan Allah SWT di dunia dan di akhirat.

Mimbar Jumaat hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk
“HIKMAH DISEBALIK INFAK.”

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Harta adalah sesuatu yang diminati oleh manusia. Dalam mencari harta kadang-kadang kawan menjadi lawan. Kerana harta, adik beradik bermasam muka. Kerana tamakkan harta, lupa halal dan haram. Kerana

¹ Ali Imran : 115.



mencari harta, terlepas ibadah kepada Allah. Itulah sebahagian cabaran mengenai harta.

Sesungguhnya harta atau rezeki adalah milik Allah SWT yang telah ditentukan kepada manusia ketika ditiupkan roh dalam kandungan ibunya. Allah SWT memberi tanggungjawab kepada yang berharta, supaya mengeluarkan sebahagian hartanya untuk zakat, nafkah kepada keluarga, wakaf, sedekah, anak yatim serta keperluan masyarakat dengan tidak menanggung-nanggungkannya hingga terlalai dan datang saat kematian yang penuh penyesalan.

Dalam sebuah hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Syikhkhir menyatakan, bahawa pada hakikatnya semua harta adalah milik Allah, bukan milik manusia. Sabda baginda Rasulullah SAW:

يَقُولُ ابْنُ آدَمَ: مَالِي! مَالِي! وَهَلْ لَكَ يَا ابْنَ آدَمَ مِنْ
مَالِكَ إِلَّا مَا أَكَلْتَ فَأَفْنَيْتَ، أَوْ لَبِستَ فَأَبْلَيْتَ، أَوْ تَصَدَّقْتَ
فَأَمْضَيْتَ

"Berkata anak Adam "Hartaku! Hartaku! Hartaku!". Wahai anak Adam, kamu tidak mempunyai apa-apa daripada hartamu itu, kecuali apa yang kamu makan lalu ia habis, apa yang kamu pakai lalu ia luntur, atau yang kamu sedekahkan (wakaf) lalu ia berkekalan."

Hadirin yang berbahagia,

Banyak kelebihan seseorang yang menginfakkan harta sekalipun disangka harta akan berkurangan, pada hakikatnya akan digantikan oleh Allah SWT. Antaranya diberikan keluasan rezeki kepadanya. Allah SWT berfirman dalam surah Saba' ayat 39:



قُلْ إِنَّ رَبِّي يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَن يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ ۖ وَيَقْدِرُ لَهُ ۖ
وَمَا أَنْفَقْتُمْ مِنْ شَيْءٍ فَهُوَ يُخْلِفُهُ ۖ وَهُوَ خَيْرُ الرَّازِقِينَ ۝

"Katakanlah (Wahai Muhammad): "Sesungguhnya Tuhanku memewahkan rezeki bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya di antara hamba-hamba-Nya, dan ia juga yang menyempitkan baginya; dan apa sahaja yang kamu dermakan maka Allah akan menggantikannya; dan Dia lah jua sebaik-baik pemberi rezeki."

Ayat ini menjelaskan bahawa Allah SWT Maha Berkuasa untuk menyempitkan rezeki atau meluaskannya kepada seseorang hamba-Nya. Apa sahaja yang dibelanjakan bersesuaian dengan perintah Allah SWT, sudah pasti mendapat gantiannya.

Abu Hurairah Radhiallahu Anhu meriwayatkannya dalam sebuah hadis Qudsi, bahawa sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

"Wahai anak Adam, berinfaklah, nescaya kamu akan mendapat gantiannya."

(Riwayat al-Bukhari).

Demikian juga diceritakan dalam sebuah hadis daripada Abu Hurairah Radhiallahu Anhu bahawa suatu hari Rasulullah SAW masuk ke tempat Bilal bin Rabah dan mendapati seberkas buah tamar yang disimpan oleh Bilal. Rasulullah SAW bersabda:

أَنْفِقْ بِلَالُ، وَلَا تَخْشَ مِنْ ذِي الْعَرْشِ إِقْلَالًا

"Infakkanlah wahai Bilal! Dan janganlah kamu takut rezekimu dikurangi oleh Allah yang mempunyai Arasy."

(Riwayat al-Tabarani).



Hadis daripada Abu Hurairah RadhiallahuAnhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَا مِنْ يَوْمٍ يُصْبِحُ الْعِبَادُ فِيهِ إِلَّا مَلَكَانِ يَنْزِلَانِ، فَيَقُولُ أَحَدُهُمَا: اللَّهُمَّ أَعْطِ مُنْفِقًا خَلْفًا، وَيَقُولُ الْآخَرُ: اللَّهُمَّ أَعْطِ مُمْسِكًا تَلَفًا

"Pada setiap pagi, seseorang hamba itu akan diturunkan dua malaikat kepadanya. Yang satu berdoa "Ya Allah! berikanlah ganti kepada orang yang membelanjakan hartanya". Manakala yang satu lagi berdoa, "Ya Allah! berilah kehancuran kepada orang yang kedekut untuk membelanjakan hartanya".

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Maksudnya orang yang menginfakkan harta untuk beribadah atau mendekati diri kepada Allah SWT dengan tulus ikhlas, tidak akan merasa satu kerugian, kekurangan dan kemiskinan.

Demikianlah kelebihan mereka yang menginfakkan hartanya, mereka yakin akan dijamin oleh Allah SWT dengan pertambahan rezeki yang datang dari sumber yang tidak diduga.

Oleh yang demikian, wakaf telah menjadi satu medium bagi para sahabat Nabi SAW. Amalan berlumba-lumba berwakaf ini adalah kesan daripada didikan Nabi SAW. Jabir Radhiallahu Anhu menyatakan, "Tiada seorang pun dalam kalangan para sahabat Rasulullah SAW yang berharta tidak berwakaf."



Muslimin sidang Jumaat sekalian,

Sejarah menunjukkan bahawa amalan berwakaf telah wujud semenjak Rasulullah SAW berhijrah ke Madinah, seterusnya berterusan ke zaman Khulafa al-Rasyidin, zaman Umayyah, Zaman Abbasiyah hinggalah ke zaman pemerintahan kerajaan Uthmaniah. Amalan wakaf telah dijadikan sebagai salah satu pendekatan yang paling berkesan untuk menjadikan umat Islam berdaya maju, membangunkan kemudahan awam, membiayai sektor pendidikan, kesihatan, infrastruktur dalam Bandar dan berbagai-bagai kebajikan lagi yang diperolehi dari dana wakaf.

Sebagai contoh Hospital Sultan Ibnu Tulun di Kaherah yang dibina pada 872M yang merupakan hospital pertama yang dibina dengan dana wakaf dan diurus sepenuhnya dengan dana wakaf. Demikian juga dengan Universiti Qarawiyyin di Morocco diasaskan dengan dana wakaf pada tahun 859 Masihi yang mana merupakan universiti pertama di dunia yang melahirkan sarjana terunggul seperti Ibn Rusydi yang mahir dalam bidang falsafah dan kedokteran.

Dengan itu, Imam Malik Rahimahullah menyarankan, "tidak gemilang umat akhir zaman melainkan apabila mereka kembali melaksanakan apa yang telah menyebabkan umat terdahulu menjadi gemilang.

Para tetamu Allah sekalian,

Alhamdulillah, kita bersyukur kehadiran Allah SWT yang telah melimpahkan rezeki kepada kita. Oleh itu, selepas kita melaksanakan kewajipan menunaikan zakat dan menyempurnakan nafkah kepada ahli keluarga, kita infakkanlah sebahagian pendapatan kita sebagai wakaf untuk mendekatkan diri kepada Allah dan menyambung pahala amalan kita untuk bekalan menghadapi hari akhirat.



Kita juga wajar mengambil ingatan dari sebuah hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Abu Barzah al-Aslami beliau berkata bahawa Nabi SAW bersabda yang bermaksud:

"Tidak berganjak kedua kaki anak Adam pada hari Kiamat sehingga selesai disoal mengenai empat perkara, antaranya tentang umurnya untuk apa dihabiskan, tentang masa mudanya untuk apa dipergunakan, tentang hartanya daripada mana diperolehi dan kemana telah ia belanjakan, tentang ilmunya apakah yang diamalkannya."

(Riwayat al-Tirmizi).

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah ini, marilah kita hayati beberapa saranan berikut, mudah-mudahan banyak manfaatnya:

1. Umat Islam hendaklah yakin tentang janji Allah SWT yang akan memberikan pahala amalan berlipat ganda dan berterusan kepada penginfak selagi harta itu dapat dimanfaatkan.
2. Umat Islam hendaklah yakin bahawa mengifakkan harta tidak menyebabkan harta menjadi kurang, sebaliknya harta akan bertambah banyak.
3. Umat Islam yang menginfakkan hartanya yang terbaik dan paling disayangi akan mendapat penghargaan yang tinggi disisi Allah SWT.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ ۚ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ

شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ ﴿٩٢﴾



"Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.

(ali Imran : 92).

بَارِكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي
وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ
مَنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ
لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

وَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى : إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ
وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ
مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ اعِزِّ



الإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ
وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمَّرَ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَأَنْصُرْنَا
عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ
تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ
الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَهَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ
سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ
ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ
الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،
وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَعَكُّو
أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا
ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ
لِلْمُؤَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ
الْهُدَى وَالرِّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan



keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran-ajaran yang difatwakan sesat seperti Syiah. Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat dan lindungilah kami daripada bala bencana. Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا
لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ
لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ
يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ، يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ
أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.
